

Headline	Ibu tunggal sebak terima bantuan MAIK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	30
ArticleSize	106 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,773		



Ibu tunggal sebak terima bantuan MAIK

Kota Bharu: Seorang ibu tunggal yang hanya mampu mengengsot untuk melakukan aktiviti harian, tidak dapat menahan sebak apabila menerima bantuan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Bantuan kecemasan wang tunai RM2,000 itu disampaikan Timbalan Yang Dipertua MAIK, Dr Nik Mohd Azlan Abd Hadi di rumah wanita malang itu, Zaharah Mamat, 48, di Kampung Tapang, di sini.

Bantuan itu susulan arahan daripada Yang Dipertua MAIK, Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra yang simpati terhadap nasib Zaharah yang bukan sahaja seorang OKU malah ibu tunggal miskin.

Zaharah berkata, beliau lumpuh sejak terbabit kemalangan 10 tahun lalu yang turut mengorbankan suaminya, menyebabkan mereka kini terpaksa mengengsot untuk melakukan kegiatan harian.

“Sebelum ini saya tinggal seorang diri di Kampung Ber-

is Jambu, namun berpindah ke rumah adik beradik di Kampung Tapang sejak tiga bulan lalu selepas rumah peninggalan arwah suami diambil oleh anak tiri.

“Disebabkan itu, saya terpaksa berpindah dan menumpang teduh di rumah adik beradik. Mereka turut membina sebuah rumah menggunakan bahan binaan terpakai untuk saya berteduh, namun tiada bekalan air dan elektrik kerana tidak mampu membayar deposit Tenaga Nasional Berhad (TNB).